

FOTO: KHAIRUL NAJIB ASARULLAH KHAN

Oleh Khairul Najib
Asarullah Khan
am@hmetro.com.my
Seremban

Malang Si Putih

“Manusia zaman sekarang memang kejam dan sanggup mendera haiwan,” kata seorang jurugambar, Muhammad Shah Adnan M Hanapiah, 26, yang kecewa apabila kucing peliharaannya dipercayai didera individu tidak bertanggungjawab.

Muhammad Shah Adnan yang ditemui di daerah ini, semalam berkata, dia yang tinggal di Taman Kencana, Pandan Indah, Ampang, Selangor meninggalkan kucing kesayangannya digelar Putih di rumah pada jam 5 petang kelmarin.

Katanya, sejurus pulang ke rumah berikutan merakam gambar di kawasan berhampiran jam 2 pagi, semalam, kucingnya dilihat dalam keadaan tenat di dalam rumahnya.

“Saya terkejut mendapati mata kanan Putih hampir terkeluar dan kepalanya cedera dipercayai dihentak atau diterajang seseorang,” katanya.

Menurutnya, bahagian badan haiwan peliharaan itu turut tercedera dan menitikkan darah.

“Saya sedih dengan sikap manusia zaman sekarang yang sanggup mendera haiwan,” katanya

FAKTA
Muhammad Shah
bercadang buat
laporan polis



KEADAAN Putih yang cedera selepas didera individu tidak bertanggungjawab.

■ Mata kucing hampir terkeluar akibat diterajang

memaklumkan membawa Putih ke klinik haiwan untuk merawatnya.

Muhammad Shah Adnan berkata, haiwan peliharaannya itu dipercayai keluar berkeliaran di kawasan taman berkenaan setiap hari.

“Melihat keadaan kucing ini, saya percaya ia perbuatan manusia dan meminta orang ramai bersikap belas kasihan pada haiwan,” katanya yang tinggal bersama keluarga di taman itu.

Dia berkata, kucing terbabit dipeliharanya sejak empat bulan lalu selepas diberi rakan kepada ibunya.

Katanya, selain Putih dia turut memelihara dua lagi kucing ber-

ikutan menyayangi haiwan berkenaan.

Menurutnya, sehubungan penderitaan terhadap binatang kesayangannya itu, dia bercadang membuat laporan polis.